

ملايو اسلام برجا دالم ممبنترس رسواه

**Melayu Islam Beraja  
Dalam Membanteras  
RASUAH**

ISBN: 99917-51-25-4



Biro Mencegah Rasuah  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

Universiti Brunei Darussalam

Cetakan Ketiga 2017

© Hak Cipta Biro Mencegah Rasuah dan Universiti Brunei Darussalam

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dengan apa jua bentuk atau dengan alat apa jua pun sama ada dengan cara elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Buku ini diusahakan penerbitannya oleh Jawatankuasa Kerja Pendidikan Pencegahan Rasuah, Biro Mencegah Rasuah dan Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.

Hiasan kulit:

Pengiran Kamarulzaman bin Pengiran Haji Tajuddin

Diatur huruf oleh:

Dk Hajah Norutama bte Pg Haji Hassan (BMR)

Dayang Rahimah bte Ma'aruf (BMR)

Awang Mohd Shahrol Amira bin Abdullah (APB, UBD)

Muka Taip Teks: Calibri

Saiz Taip Teks: 14/16

Dicetak oleh: Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

## PETIKAN

*Allah subhanahu wa taala berfirman:*

*Tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik lagi halal yang telah kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepada Allah."*

*(Surah al-Baqarah: 172)*

## PETIKAN TITAH

*Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji  
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah:*

*"... Beta dengan setegas-tegasnya menekankan bahawa sikap jujur dan amanah itu hendaklah dipupuk berlandaskan ajaran-ajaran agama Islam, yakni, Beta sama sekali menegah pegawai-pegawai di dalam kerajaan Beta mengamalkan apa jua bentuk 'corruption' atau rasuah. Insya-Allah, Beta akan mengambil tindakan tegas pada mencegah sebarang rupa bentuk rasuah di kalangan pegawai-pegawai dalam kerajaan Beta."*

Isnin 21 Disember 1981  
Sempena Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat  
Negeri kali ke-19

# KANDUNGAN

<b>1</b>		
Pendahuluan		<b>1</b>
<b>2</b>		
Rasuah Di Negara Brunei Darussalam		<b>3</b>
<b>3</b>		
Definisi Rasuah		<b>4</b>
<b>4</b>		
Rasuah Dalam Perspektif Melayu Islam Beraja		<b>9</b>
<b>5</b>		
Golongan Rasuah		<b>23</b>
<b>6</b>		
Sebab-Sebab Berlakunya Rasuah		<b>24</b>
<b>7</b>		
Kesan-Kesan Rasuah		<b>27</b>

<b>8</b> Langkah-Langkah Menjauhi Rasuah	<b>30</b>
<b>9</b> Membanteras Rasuah Tanggungjawab Bersama	<b>32</b>
<b>10</b> Kesimpulan	<b>33</b>
<b>11</b> Rujukan	<b>37</b>

## **1. PENDAHULUAN**

Di zaman global masa kini, tidak ada negara yang terkecuali dari masalah rasuah. Kesan dan akibat rasuah terhadap ekonomi, politik dan sosial dialami oleh semua negara di dunia. Masalah rasuah telah wujud sejak berkurun lama lagi. Rasuah selalu diibaratkan sebagai penyakit kanser yang boleh merebak kepada masyarakat dan menghancurkan sesebuah negara secara perlahan-lahan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengambil berat tentang membanteras kegiatan rasuah. Bagi mewujudkan sebuah kerajaan yang jujur, efisien lagi amanah, maka atas titah perkenan Baginda satu agensi pencegah rasuah telah ditubuhkan yang dinamakan 'Biro Mencegah Rasuah'.

Biro Mencegah Rasuah (BMR) ditubuhkan pada 1 Februari 1982 oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bawah Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981. Pada tahun 1984, berikutan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, undang-undang Negara Brunei Darussalam telah disemak semula dan Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981 sekarang dikenali sebagai Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131). Sejak penubuhannya, BMR telah menggunakan dan memperkenalkan langkah-langkah dan pendekatan di dalam usaha untuk mencegah rasuah dan juga meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya rasuah. Antara program-program yang dikendalikan ialah ceramah, dialog, promo-promo televisyen dan pengedaran risalah. BMR juga sentiasa mencari kaedah baru untuk menyampaikan mesej anti rasuah kepada masyarakat sesuai dengan peredaran zaman yang semakin canggih dan sofistikated agar lebih efisien.

## **2. RASUAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Kajian Barometer Rasuah Global (*Global Corruption Barometer*) yang dijalankan oleh *Tranparency International* (TI) merupakan pandangan awam mengenai persepsi dan pengalaman mereka tentang rasuah. Hasil kajian daripada 69 buah negara-negara di seluruh dunia bagi tahun 2009 telah menempatkan Negara Brunei Darussalam di dalam kumpulan negara yang kurang berlakunya rasuah seperti Denmark dan Singapura. Kajian tersebut meletakkan Negara Brunei Darussalam ditempat kedua selepas Singapura dengan mencapai mata purata sebanyak 2.3 sebagai negara yang kurang terjejas dengan rasuah.

Sebanyak 78% responden yang ditemuduga semasa proses kajian *Barometer* tersebut menyatakan bahawa usaha Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam memerangi rasuah boleh dianggap berjaya. Hasil kajian tersebut telah meletakkan Negara Brunei Darussalam

di tempat ke tiga selepas Hong Kong dengan 88% responden dan Singapura dengan 96%.

Sementara itu, Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perceptions Index*) yang juga dilaksanakan oleh *Transparency International (TI)* bagi tahun 2010, menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam telah mencapai mata purata sebanyak 5.5 dan menempatkannya ditangga 38 daripada 178 negara di seluruh dunia. Pencapaian ini adalah satu peningkatan jika dibandingkan dengan hasil kajian yang sama bagi tahun 2009 di mana Negara Brunei Darussalam ditempatkan ditangga 39 daripada 180 negara-negara yang dikaji selidik.

### **3. DEFINISI RASUAH**

Definisi rasuah boleh dikategorikan kepada bahasa, istilah syarak dan undang-undang.

### **3.1 Bahasa**

Dari segi bahasa Melayu, rasuah bermaksud pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap), (wang) tumbuk rusuk (sogok, suap). (*Kamus Dewan [Edisi keempat], 2007, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.*)

Di dalam bahasa Arab, rasuah disebut sebagai ar-risywah atau ar-rasywah yang bermaksud sesuatu penyambung yang dapat menghantarkan tujuan dengan harta sogokan. Definisi ini diambil dari asal kata rasuah iaitu ar-rasya yang bererti tali timba yang dipergunakan untuk mengambil air di perigi. (Halim A.S, 1998, m.s. 1)

### **3.2 Istilah Syarak**

Rasuah menurut Ibrahim An-Nakha'i dalam *Mausu'ah Fiqhiyah*:

“Sesuatu yang diberikan kepada seseorang untuk menghidupkan kebatilan atau untuk menghancurkan kebenaran.”

Rasuah menurut Syeikh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz:

“Memberikan harta kepada seseorang sebagai imbalan pelaksanaan maslahat (tugas, kewajipan) yang mana tugas itu harus dilaksanakan tanpa menunggu imbalan atau wang komisen.” (Syeikh Abdul Aziz,1998, m.s 319)

Manakala, Dr. Yusuf Qardawi mendefinisikan rasuah seperti berikut:

“Suatu yang diberikan kepada seseorang yang mempunyai kekuasaan atau jawatan (apa sahaja) untuk memenangkan kesnya dengan menewaskan lawan-lawannya sesuai dengan apa yang ia inginkan, atau untuk memberikan peluang kepadanya atau menyingkirkan saingannya...” (Yusuf,1408H, m.s 123)

### **3.3 Undang-undang**

Dari sudut undang-undang pengertian 'rasuah' tidak dinyatakan, tetapi yang hanya dinyatakan ialah takrif suapan. Definisi rasuah agak meluas dan pengertiannya boleh dilihat daripada pelbagai sudut. Tambahan pula sesuatu hal atau perbuatan sama ada ianya dianggap rasuah atau tidak bergantung pada praktik undang-undang di negara berkenaan.

Rasuah biasanya dikaitkan dengan mata wang atau bentuk monetari tetapi banyak yang tidak menyedari bahawa rasuah juga boleh berbentuk bukan monetari seperti yang dijelaskan dalam undang-undang.

Takrif suapan menurut **Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131, Negara Brunei Darussalam** adalah termasuk:

1. Wang atau apa jua pemberian, pinjaman, upah, ganjaran berharga atau harta benda lain atau

- kepentingan harta benda dalam apa jua bentuk sama ada yang boleh digerakkan atau tidak;
2. Jawatan, kehormatan, pekerjaan, kontrak atau perkhidmatan atau perjanjian memberi pekerjaan atau khidmat;
  3. Pembayaran, pembebasan, penjelasan atau penyelesaian apa jua pinjaman, tanggungjawab atau tanggungan sama ada sebahagian atau keseluruhannya;
  4. Pulangan berharga, diskaun, komisen, rebet dan bonus;
  5. Menahan diri dari menuntut wang atau sesuatu yang bernilai wang atau barang berharga;
  6. Bantuan, sokongan, persetujuan atau pengaruh;
  7. Perkhidmatan lain, pertolongan atau faedah;

8. Tawaran, jaminan atau janji untuk memberi atau apa jua suapan seperti yang disebutkan di atas.

#### **4. RASUAH DALAM PERSPEKTIF MELAYU ISLAM BERAJA**

Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) telah lama wujud di Negara Brunei Darussalam, namun ada yang masih tidak menyedari sejauh mana konsep MIB boleh meningkatkan moral dan perbuatan seseorang. Wujudnya konsep MIB adalah untuk menegakkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang berlandaskan Al-Quran dan hadis Nabi Muhammad sallallahu alaihi wassalam bagi kepentingan bangsa, bahasa dan kebudayaan Melayu serta keutamaan institusi beraja sebagai sistem pemerintahan dan pentadbiran Negara Brunei Darussalam. Dengan adanya pegangan konsep MIB pada seseorang, ianya boleh menjauhkan seseorang itu dari terlibat dengan kegiatan rasuah.

#### **4.1 Rasuah dalam perspektif Melayu**

Dalam masyarakat Melayu ada peribahasa atau ungkapan yang membawa maksud rasuah seperti 'duit kopi', 'tumbuk rusuk', 'belanja kopi', 'pembasah leher', 'pekaras', 'minyak pelincir', 'wang bawah meja', 'boleh runding', 'faham-faham saja', 'kantau', 'sunglau' dan lain-lain lagi. Berdasarkan peribahasa dan terma tersebut jelas membuktikan bahawa rasuah memang wujud dalam perbendaharaan kata orang Melayu tetapi dirujuk dengan bahasa kiasan sahaja.

Bangsa Melayu adalah bangsa yang menitik-beratkan soal-soal moral yang tinggi seperti jujur, amanah, ikhlas dan bertanggungjawab. Didikan moral ini sudah diterapkan semasa masih kanak-kanak lagi seperti tidak bercakap bohong, jangan mengambil barang orang tanpa kebenaran, berbuat baik sesama kawan dan sebagainya. Nilai-nilai ini jika sentiasa disemai sehingga dewasa akan melahirkan individu-individu yang mempunyai nilai akhlak yang tinggi kerana mereka sudah biasa dengan

mempraktikkan nilai-nilai murni sedari kecil lagi. Nilai-nilai murni seperti ini memang sudah menjadi budaya dalam masyarakat Melayu, apatah lagi yang dipandu oleh kepercayaan berlandaskan Islam. Oleh yang demikian, nilai-nilai murni yang kita warisi ini hendaklah kita amalkan dan praktikkan sebagai cara hidup kita seharian.

Memberi hadiah atau buah tangan adalah antara budaya masyarakat Melayu yang telah diamalkan sejak berkurun lamanya terutama sekali dimusim perayaan dan majlis-majlis keramaian. Amalan memberi hadiah atau buah tangan selalu diibaratkan sebagai 'sedekah' atau 'tanda penghargaan' daripada pemberi. Pemberian seperti ini baik untuk mengeratkan silaturahim dan persahabatan sesama insan. Namun, pemberian hadiah itu boleh menjadi rasuah apabila hadiah itu diberi dengan niat yang tidak baik dan dengan ada tujuan untuk mendapatkan sesuatu yang istimewa, keuntungan, perkhidmatan daripada pihak yang berkaitan dengan tugas atau urusan rasminya.

Jika perkara ini berlaku berleluasa di antara sektor awam dan sektor swasta, maka pemberian hadiah itu boleh berkembang menjadi satu bentuk rasuah.

#### **4.2 Rasuah dalam perspektif Islam**

Sebagai negara yang berteraskan Islam dan menjadikan Islam sebagai agama rasmi maka adalah bertepatan bagi Negara Brunei Darussalam untuk membanteras rasuah sejajar dengan hukum Islam yang mengharamkan amalan rasuah. Rasuah dikategorikan dalam amalan dosa besar kerana terdapat unsur kezaliman dan mengambil hak orang lain dengan tidak jujur. Ini jelas dinyatakan di dalam Al-Quran dan hadis. Allah subhanahu wa taala berfirman,

**"Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui." ( Al-Baqarah, ayat 188)**

Di dalam surah Al-Anfaal ayat 27 kira-kira maksudnya:

**“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui.”**

Di dalam surah Al-Baqarah, ayat 172 pula mengatakan:

**“Hai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar hanya kepada-Nya kamu menyembah.”**

**“Barangsiapa yang telah Kami ambil untuk melakukan sesuatu kerja, dan telah ditetapkan baginya sesuatu rezeki (gaji atau upah) maka apa yang diambilnya selepas itu adalah ghulul (pengkhianatan)”**

(Riwayat Abu Daud)

**“Hadiah yang diberikan kepada para Penguasa adalah suht (haram) dan rasuah yang diterima hakim adalah kufur.”**

[Riwayat Ahmad]

***Bersabda Rasulullah sallallahu alaihi wassalam: “Laknat Allah ke atas pemberi rasuah dan penerima rasuah.”***

(Hadis riwayat Ibnu Majah)

Disebutkan dalam hadis:-

**“Rasulullah sallallahu alaihi wassalam telah melaknat pemberi dan penerima rasuah dalam penetapan keputusan (pemerintahan, pentadbiran, kehakiman dan lain-lain).”**

(Riwayat At-Tirmidzi, 3/622)

Berdasarkan Al-Quran dan hadis di atas adalah jelas perbuatan rasuah itu dilarang dari segi Islam. Bukan sahaja pemberi dan penerima rasuah adalah salah dari segi hukum syarak, malahan orang tengah atau orang perantaraan juga dilaknat oleh Allah subhanahu wa taala. Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad, Thabrani, Al Bazar dan Al Hakim, mengatakan:

**“Rasulullah sallallahu alaihi wassalam melaknat pemberi rasuah, penerima rasuah dan orang yang menyaksikannya.”**

Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah menekankan agar pengajaran agama Islam yang menyentuh nilai-

nilai murni dapat disemai sejak peringkat awal khususnya kepada generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara di suatu masa nanti. Dengan adanya sistem pendidikan agama yang formal, pelajar akan mempelajari nilai-nilai murni seperti jujur, amanah, ikhlas, hormat dan bertanggungjawab dari perspektif Islam. Pengajaran agama Islam tersebut diharap akan dapat membentuk generasi muda untuk menjalankan tugas harian berdasarkan nilai-nilai murni dan sekaligus boleh mewujudkan generasi yang berakhlak mulia dan bersikap positif. Lanya juga dapat mengelakkan kelakuan yang tidak baik seperti tamak dan tidak jujur yang boleh menyebabkan berlakunya kegiatan rasuah.

#### **4.3 Rasuah dalam perspektif Beraja**

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara beraja yang diperintah oleh sultan-sultan Islam . Sejak turun temurun sistem pemerintahan beraja adalah bersesuaian dengan Negara Brunei Darussalam kerana ia telah terbukti membawa kemakmuran dan keamanan kepada

negara kita sejak dahulu lagi. Sultan telah ditetapkan sebagai pemimpin negara yang bertanggungjawab kepada hal ehwal negara seperti pembangunan, kesejahteraan rakyat, menguatkuasakan undang-undang dan sebagainya.

Kita sangat bernasib baik kerana mempunyai seorang raja yang sangat prihatin terhadap kebajikan rakyat dan juga peka dengan isu-isu semasa seperti gejala rasuah. Sistem beraja yang kita amalkan boleh mengelakkan daripada berlakunya masalah yang dihadapi oleh sebahagian besar negara-negara yang mengamalkan demokrasi seperti politik wang dan rasuah. Ini jelas menunjukkan bahawa sistem beraja adalah yang terbaik bagi negara kita di mana kita dapat hidup dengan harmoni dalam sebuah negara yang ditadbir oleh seorang sultan yang bijaksana dan bertanggungjawab terhadap rakyat dan negara.

Kita sebagai rakyat wajib taat kepada sultan sebagai pemimpin negara kita kerana dalam konteks Islam raja

adalah sebagai memegang amanah dari Allah untuk memerintah (Haji Abdul Latif, 2004:20). Manakala dalam konteks MIB, kedudukan raja ialah payung Allah di bumi Brunei, Ketua Agama Islam, Kepala Negara, Ketua Kerajaan, Ketua Adat Istiadat dan Ketua Angkatan Bersenjata (Haji Abdul Latif: 2004:21). Di antara cara kita mentaati raja ialah dengan mendukung apa jua titah Baginda dan undang-undang yang wujud di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menegaskan kepada rakyat Baginda untuk tidak terjebak dengan kegiatan rasuah. Rasuah boleh menghancurkan negara dan boleh menghancurkan kehidupan manusia walaupun penglibatan seseorang dalam rasuah itu kecil. Perkara ini dititahkan Baginda dalam Titahnya sempena menyambut tahun baru 2008 Masihi:

**“Jangan anggap ‘rasuah kecil’ tidak mengapa, tetapi ingatlah akan risikonya. Kecil atau besar, sedikit atau banyak, adalah sama-sama bernama penyakit, yang boleh menjejaskan negara. Negara yang karam dengan rasuah adalah negara yang malang.”**

**“Oleh itu, dalam perutusan ini, Beta ingin menekankan supaya kita menutup pintu rapat-rapat kepada rasuah. Apabila kita bersih daripada rasuah, Allah pasti memberkati kita dan negara, kerana bukannya Allah telah mengisytiharkan perang terhadap rasuah itu, sehingga barang siapa yang memberi atau menerimanya, orang itu akan dicampak ke neraka.”**

Sempena Majlis Pelancaran Kempen Anti Rasuah dan Pembukaan Rasmi Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah pada 12 Mei 1992, Baginda bertitah:

**“...Rasuah adalah merupakan penyakit masyarakat antarabangsa yang telah lama wujud meracuni kehidupan manusia. Ia berlaku dengan tidak memilih tempat, waktu dan peringkat orang. Pendeknya, di mana-mana dan kepada siapa sahaja ia boleh berlaku atau terjadi.”**

**“Apabila rasuah adalah sudah berleluasa dan menulari masyarakat, maka masyarakat itu akan kehilangan imej yang baik dan tidak dihormati lagi.”**

**“Sebagai negara yang ternama lagi berruarah, maka Brunei Darussalam patutlah mengekalkan ciri-ciri kesedaran menentang rasuah itu hingga ke akar-akar umbinya. Kita tidaklah boleh lalai dari melakukan usaha-usaha pencegahan, walau dengan apa cara pun, terutamanya melalui proses undang-undang yang ada.”**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan kepada rakyat untuk meningkatkan nilai-nilai murni dan etika yang berkualiti dalam menjalankan tugas harian. Perkara ini telah tekankan di dalam Titah Baginda di Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri Kali Ke-19 pada 21 Disember 1981:

**“...Beta sebutkan tadi, maka Beta dengan setegas-tegasnya menekankan bahawa sikap jujur dan amanah itu hendaklah dipupok berlandaskan ajaran-ajaran Ugama Islam, ya’ani, Beta sama sekali menegah pegawai-pegawai di-dalam Kerajaan Beta mengamalkan apa jua bentuk corruption atau rasuah. Insha Allah, Beta akan mengambil tindakan tegas pada mencegah sebarang rupa dan bentuk rasuah di-kalangan pegawai-pegawai dalam Kerajaan Beta...”**

Daripada Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam jelas menunjukkan bahawa Baginda amat prihatin dengan gejala perbuatan rasuah yang boleh merosakkan negara, kehormatan dan masyarakat. Baginda juga menitikberatkan agar rakyat bersikap jujur, amanah dan bertanggungjawab bagi mengelakkan perbuatan rasuah tersebut.

Kerajaan sentiasa memandang berat terhadap gejala rasuah di negara ini. Sebagai langkah dalam kesungguhan Baginda untuk membanteras gejala rasuah, kerajaan Baginda telah menyenaraikan kesalahan-kesalahan rasuah di dalam **Akta Pencegahan Rasuah (Penggai 131), Undang-Undang Negara Brunei Darussalam**. Di dalam Akta tersebut tersenarai beberapa kesalahan rasuah dan di antaranya adalah seperti berikut:

#### 4.3.1 Menerima rasuah

Sesiapa yang secara tidak jujur memperolehi atau menerima atau bersetuju untuk menerima suapan sama ada untuk dirinya atau orang lain sebagai dorongan atau ganjaran kerana melakukan atau menahan diri daripada melakukan sesuatu dalam apa jua urusan.

Hukuman denda \$30,000 dan penjara 7 tahun.

#### 4.3.2 Memberi rasuah

Sesiapa yang secara tidak jujur memberi atau bersetuju memberi atau menawarkan apa jua bentuk suapan kepada sesiapa atau mana-mana ejen sebagai dorongan atau ganjaran kerana melakukan atau menahan diri daripada melakukan sesuatu dalam apa jua perbuatan sama ada yang berhubung ataupun tidak berhubung dengan hal-hal atau urusan orang yang utamanya.

Hukuman denda \$30,000 dan penjara 7 tahun.

#### 4.3.3 Menghadapkan tuntutan palsu

Sesiapa sahaja yang memberi kepada seorang ejen atau seorang ejen menggunakan segala tuntutan, dokumen atau resit yang mengandungi kenyataan palsu, tidak benar dan salah yang pada pengetahuannya adalah dimaksudkan untuk mengelirukan atau menipu orang yang utama.

Hukuman denda \$30,000 dan penjara 7 tahun.

Bab 26 Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131) memperuntukkan bahawa sebarang keterangan mengenai memberi atau menerima apa jua suapan dianggap sebagai adat resam, atau amalan yang lazimnya dilakukan dalam sebarang jawatan, perniagaan, pencarian atau pekerjaan, tidak akan diterima dalam mana-mana perbicaraan sivil atau jenayah, di bawah Akta Pencegahan Rasuah (Penggal 131). Walau apapun alasan yang diberi, menerima atau memberi rasuah tetap salah.

## **5. GOLONGAN RASUAH**

Rasuah tidak mempunyai golongan yang spesifik malah ianya dilakukan oleh pelbagai lapisan masyarakat sama ada dari golongan berpelajaran atau tidak, golongan atasan, pertengahan atau bawahan.

Di dalam satu kajian yang dijalankan oleh *Transparency International* pada tahun 2010, kajian telah mendedahkan negara– negara yang mempunyai indeks rasuah yang rendah dan negara-negara yang mempunyai indeks rasuah yang tinggi. Dalam kajian tersebut, dapat dilihat terdapat perkaitan rapat di antara rasuah dengan negara miskin.

Walau bagaimanapun, kemiskinan sahaja bukan menjadi faktor utama yang menyebabkan berlakunya rasuah kerana golongan orang yang menerima rasuah bukan sahaja yang berpendapatan rendah malahan orang yang berpendapatan tinggi dan mempunyai kuasa. Ini terbukti dengan adanya kes-kes rasuah yang melibatkan

ketua-ketua negara, menteri–menteri, ahli korporat, pegawai-pegawai kanan dan sebagainya.

## **6. SEBAB-SEBAB BERLAKUNYA RASUAH**

Beberapa kajian telah dijalankan bagi mengenalpasti sebab-sebab berlakunya rasuah. Salah satu daripadanya ialah kajian oleh Leslie Palmier, yang mana beliau telah membuat kajian rasuah dalam pentadbiran kerajaan di Hong Kong, India dan Indonesia. Dalam kajian tersebut, beliau telah mendapati beberapa faktor penting yang menyebabkan berlakunya rasuah iaitu: peluang, gaji dan dasar. Menurut beliau jika pembabitan pegawai dan kakitangan kerajaan dalam pentadbiran dikurangkan, gaji pegawai dan kakitangan dinaikkan dan dasar yang dapat mengurangkan penglibatan pegawai kerajaan yang meluas, ianya boleh mengurangkan perbuatan rasuah (Palmier, 1985, m.s 73). Mauro membincangkan bahawa jika gaji pegawai dan kakitangan kerajaan terlalu rendah maka mereka akan menggunakan kuasa dan jawatan

sebagai peluang untuk mengambil, meminta dan menerima rasuah (Mauro, 1997, m.s 73).

Walau bagaimanapun, punca rasuah boleh dikatakan terpulang kepada sikap individu itu sendiri. Ini kerana ada segelintir masyarakat yang berpendapatan tinggi, tetapi masih juga melibatkan diri mereka dengan rasuah. Jadi, kemiskinan atau berpendapatan rendah bukanlah faktor utama sebab berlakunya rasuah.

Punca berlakunya rasuah boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu: dorongan dalam dan tarikan luaran (Hajah Dewi: 2001, m.s 14). Sifat tamak, keinginan hidup mewah lebih dari kemampuan, kecintaan pada maksiat, hidup berfoya-foya serta iman yang lemah dan tidak takutkan Allah adalah faktor dalaman berlakunya rasuah. Manakala desakan hidup, dan adanya peluang yang terbuka menjadi faktor utama bagi dorongan luaran berlakunya rasuah.

Ada beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya rasuah yang selalu dibincangkan, antaranya adalah seperti berikut:

I. Faktor individu

- Kurang penghayatan agama Islam
- Sikap tidak bermoral dan beretika
- Sikap tamak dan kebendaan (materialistik)
- Mempunyai keinginan dan peluang
- Sikap hidup dengan mewah
- Belanja melebihi kemampuan
- Hilang sifat amanah dan kawalan diri

II. Faktor kepimpinan, sistem pentadbiran dan dasar

- Kelemahan pemimpin dalam sebuah organisasi
- Sistem pentadbiran yang tidak efisien dan lemah
- Proses dan prosedur kerja yang memberikan ruang untuk rasuah

- Kelemahan pemantauan dan penyelenggaraan daripada pihak pengurusan dalam sektor awam dan swasta
- Perlaksanaan projek-projek yang tidak mempunyai asas dan kawalan
- Penurunan kuasa yang terlalu banyak

## **7. KESAN-KESAN RASUAH**

Rasuah membawa kesan-kesan buruk sama ada kepada individu, masyarakat ataupun negara. Antara kesan-kesan rasuah yang selalu dibincangkan secara ringkas ialah:

### **7.1 Kesan–kesan rasuah terhadap individu**

- I. Mendapat ancaman dan laknat oleh Allah subhanahu wa taala
- II. Tidak mendapat rahmat, taufik dan hidayat
- III. Jalan mudah ke neraka
- IV. Didakwa di mahkamah
- V. Kehilangan pekerjaan

- VI. Kejatuhan moral atau maruah
- VII. Menerima hukuman penjara dan denda
- VIII. Kehilangan baksis dan kemudahan-kemudahan masyarakat

## **7.2 Kesan-kesan rasuah terhadap keluarga**

- I. Menghancurkan keharmonian hidup berumahtangga
- II. Keluarga terabai
- III. Menjatuhkan nama baik keluarga
- IV. Hilang kepercayaan daripada keluarga dan sanak saudara

## **7.3 Kesan–kesan rasuah terhadap masyarakat**

- I. Merosakkan keadilan sosial dan kesaksamaan ekonomi
- II. Kelemahan penguatkuasaan undang- undang
- III. Membebankan golongan orang susah

- IV. Memburukkan lagi taraf kemiskinan kerana sumber-sumber yang telah ditetapkan bagi membantu rakyat miskin diselewengkan
- V. Melahirkan masyarakat yang tiada kemahiran
- VI. Melahirkan masyarakat yang beretika rendah dan tidak bermoral
- VII. Hilang amanah di dalam sesuatu urusan

#### **7.4 Kesan-kesan rasuah terhadap negara**

- I. Menjejaskan kecekapan dan integriti pentadbiran
- II. Menjejaskan sosial serta kestabilan politik
- III. Tumpuan pembangunan yang tidak seimbang
- IV. Kenaikan kos barang dan perkhidmatan
- V. Mengurangkan pendapatan negara
- VI. Menurunkan mutu dan kualiti kerja atau produk yang dihasilkan
- VII. Membahayakan kemakmuran dan keselamatan negara
- VIII. Mencemarkan imej negara

## **8. LANGKAH-LANGKAH MENJAUHI RASUAH**

Beberapa langkah yang boleh diambil oleh individu untuk menjauhi gejala rasuah secara ringkasnya adalah seperti berikut:

- I. Menjalankan tugas harian berlandaskan ajaran agama Islam
- II. Menanamkan sifat bertanggungjawab dan bertimbang rasa
- III. Menjalankan amanah yang diberikan
- IV. Mematuhi apa yang disuruh
- V. Mematuhi peraturan sosial sejajar dengan landasan budaya dan agama
- VI. Memberikan perkhidmatan yang terbaik dan bermanfaat
- VII. Menanamkan sikap nilai-nilai murni
- VIII. Bertanggungjawab dalam menjaga kesucian diri, membina akhlak dan melatih diri mendidik budi pekerti

- IX. Menjauhkan diri daripada akhlak atau kelakuan yang tidak baik
- X. Berusaha untuk melengkapkan ilmu pengetahuan
- XI. Menolak tawaran rasuah dengan tegas

Rasuah memang dapat dijaui jika kita benar-benar ingin mengelakkan diri dari terlibat dengan amalan buruk lagi merugikan tersebut. Bagi mereka yang telah terlibat, rasuah masih boleh dihindari dengan pengamal rasuah itu berusaha bersungguh-sungguh mengubah dirinya sendiri dan menjauhkan diri dari perbuatan terkutuk tersebut.

Firman Allah subhanahu wa taala:

**Tafsirnya: “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri...”  
(Surah ar-R’ad: 11)**

## **9. MEMBANTERAS RASUAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

Membanteras rasuah memerlukan penglibatan pelbagai pihak masyarakat. Dengan itu, adalah penting bagi setiap individu memainkan peranan bagi menghapuskan kegiatan rasuah. Melaporkan kegiatan rasuah kepada pihak yang berkenaan juga merupakan tanggungjawab semua. Walaupun agensi membanteras rasuah ditubuhkan seperti BMR, akan tetapi strategi agensi tersebut untuk menghapuskan rasuah ke akar umbi tidak dapat dicapai jikalau tidak ada sokongan daripada orang ramai. Masyarakat hendaklah berkerjasama dan berganding bahu untuk sama-sama mendukung hasrat negara dalam membanteras gejala perbuatan rasuah ini dengan cara tidak melakukan rasuah, tidak cuba untuk berjinak-jinak dengan perbuatan rasuah, mengamalkan nilai-nilai murni seperti jujur, amanah, ikhlas dan bertanggungjawab di dalam apa jua pekerjaan yang dilakukan.

## **10. KESIMPULAN**

Rasuah, walau apapun jua pengertian yang diberikan oleh berbagai pihak, ianya tetap salah. Sebagai negara yang berlandaskan Melayu Islam Beraja, adalah wajar dan patut kita sama-sama memikul tanggungjawab untuk membanteras rasuah. Kita hendaklah juga mengukuhkan dan meningkatkan nilai-nilai murni serta menghayati ajaran Islam sebagai pegangan hidup. Ini kerana gejala rasuah, walau sekecil mana pun tetapi kesan-kesannya adalah amat buruk dan boleh menjejaskan negara secara keseluruhannya. Apatah lagi rasuah yang besar!

***“Bersama Membangun Negara Dengan Menjauhi  
Rasuah”***

**TAFSIRAN:**

**Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131, Undang-Undang Negara Brunei Darussalam**

Seksyen 2:

“ejen” bermaksud sesiapa jua yang diambil berkerja oleh atau yang bertindak bagi pihak orang lain, dan termasuk seseorang pemegang amanah, pentadbir dan wasi dan seseorang yang berkhidmat di bawah mana-mana badan awam, dan bagi maksud-maksud Bab 26 termasuklah seseorang pemborong kecil dan sesiapa jua yang diambil berkerja oleh atau yang bertindak bagi pihak pemborong kecil itu;

“orang yang utama” termasuklah mana-mana majikan, seseorang waris di bawah sesuatu amanah, dan apa jua harta pusaka amanah (seolah-olah ianya orang), sesiapa jua yang berkepentingan mendapatkan faedah dalam harta pusaka seseorang yang telah mati (seolah-olah ianya orang) dan, berkenaan dengan mana-mana orang yang berkhidmat di bawah sebuah badan awam;

“badan awam” termasuklah -

- (a) Kerajaan Negara Brunei Darussalam;
- (b) mana-mana jabatan, atau perkhidmatan atau perusahaan Kerajaan Negara Brunei Darussalam;
- (c) mana-mana perbadanan, majlis, lembaga, pesuruhjaya atau badan lain yang mempunyai kuasa untuk bertindak di bawah dan bagi maksud sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagiannya berhubung dengan Kerajaan tempatan, kesihatan awam atau perusahaan utiliti awam, atau pun selainnya mempunyai kuasa untuk mentadbir dana yang dipunyai oleh Kerajaan atau wang yang didapatkan melalui kadar bayaran, cukai atau caj menurut sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam;

- (d) mana-mana lembaga, pesuruhjaya, jawatankuasa atau badan lain yang dinyatakan dalam Jadual;
  
- (e) Mana-mana syarikat atau syarikat subsidiari yang ke atasnya atau yang di dalamnya mana-mana badan awam yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c) atau (d), mempunyai kuasa mengawal atau kepentingan.

**RUJUKAN:**

- (1) Al –Qur’an al-Karim.
- (2) Akta Pencegahan Rasuah (Penggag 131), Negara Brunei Darussalam.
- (3) Abu Abdul Halim Ahmad. S (1998), Bahaya Rasuah Kepada Masyarakat Menurut Islam. Pustaka Syuhada, Kuala Lumpur, Malaysia. (m.s 5-29).
- (4) Dr. Yusuf Al-Qardawi, (1408H) Al-Halal wal-Haram, Maktabah Wahbah (m.s 123). Dalam Abu Abdul Halim Ahmad. S (1998), Bahaya Rasuah Kepada Masyarakat Menurut Islam. Pustaka Syuhada, Kuala Lumpur, Malaysia. (m.s 5-6).
- (5) Hajah Dewi Maslehah Haji Md. Yusop. (2001). Rasuah Dari Perspektif Agama dan Implikasinya Terhadap Pembangunan Negara. Dalam *Beriga*. Januari- Mac 2001, Bilangan 70, (m.s 14- 20).
- (6) Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim (2004), Edisi Kedua. Melayu Islam Beraja Pengantar Huraian. Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam. (m.s 20 – 21).
- (7) Kamus Dewan (2007), Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. (m.s 1292).

- (8) Mauro, Paulo (1997), Why Worry about Corruption? Washington DC: International Monetary Fund. Dalam Jon ST Quah, 'Comparing Anti-Corruption Measures in Asian countries: Lessons to be learnt', Asian Review of Public Administration, Vol XI, No:2 (Julai-Disember 1999). (m.s 73).
- (9) Palmier, Leslie (1985). The Control of Bureaucratic Corruption Case Studies in Asia. New Delhi: Allied Publishers. Dalam Jon ST Quah, 'Comparing Anti-Corruption Measures in Asian countries: Lessons to be learnt', Asian Review of Public Administration, Vol XI, No:2 (Julai-Disember 1999) (m.s 73).
- (10) Professor Quah, ST. 'Comparing Anti-Corruption Measures in Asian countries: Lessons to be learnt', Asian Review of Public Administration, Vol XI, #2 (Julai-Disember 1999) (m.s 71).
- (11) Syeikh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz (1998, m.s 319) Dalam Abu Abdul Halim Ahmad. S (1998), Bahaya Rasuah Kepada Masyarakat Menurut Islam. Pustaka Syuhada, Kuala Lumpur, Malaysia. (m.s 5-6).
- (12) Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah Sempena Majlis Menyambut Tahun Baru Masihi 2008.

- (13) Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sempena Majlis Pelancaran Kempen Anti Rasuah dan Pembukaan Rasmi Ibu Pejabat Biro Mencegah Rasuah, 12 Mei 1992.
  
- (14) Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sempena Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri Kali Yang Ke-19, 1981.

**CARA-CARA MELAPORKAN RASUAH:**

Datang ke Pejabat BMR  
(waktu pejabat):

Biro Mencegah Rasuah  
Lapangan Terbang Lama  
Berakas BB 3510  
Negara Brunei Darussalam

Biro Mencegah Rasuah  
Cawangan Kuala Belait  
Simpang 3, Jalan Sungai Pandan  
Kuala Belait KA 1931  
Negara Brunei Darussalam

Melalui Telefon:

Bandar Seri Begawan- 2383575  
8721002 atau 8130002

Kuala Belait- 3331560 atau 3331513  
8721003

Melalui Faksimili:

Bandar Seri Begawan – 2383193  
Kuala Belait - 3331559

Melalui E-mel:

[info.bmr@acb.gov.bn](mailto:info.bmr@acb.gov.bn)

Melalui Laman Sesawang:

[www.bmr.gov.bn](http://www.bmr.gov.bn)